

Penuhi keperluan rakyat

# Pelantikan Anwar rancak ekonomi

Oleh **SHEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri bakal merancakkan lagi ekonomi Selangor sekali gus memenuhi pelbagai keperluan rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelantikan itu memberi dampak positif khususnya sektor pelancongan, perumahan, pendidikan dan kesihatan.

"Sudah pasti pelantikan beliau

(Anwar) membantu negeri. Banyak pelarasan boleh dibuat membabitkan baik pulih rumah kos rendah yang memerlukan kerjasama dan dana kementerian perumahan," katanya.

Terdahulu, beliau membenteng Belanjawan Selangor 2023 dalam sidang Dewan Negeri Selangor di sini pada 25 November.

Beliau juga yakin teknologi kesihatan yang dimiliki negeri antaranya aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) dan rekod HAYAT Selangor yang merekod sejarah kesihatan

pesakit boleh diselaras pada peringkat persekutuan.

"Kita ada teknologi yang boleh merakam status sejarah kesihatan seseorang dalam talian, semua ini mungkin boleh diseragam pada peringkat persekutuan tanpa kekangan protokol," katanya lagi.

Anwar mengangkat sumpah sebagai perdana menteri ke-10 di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara pada 24 November.